

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HKN 302 Kajian Teks Melayu Klasik

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **TUJUH** [7] SOALAN DI DALAM **DUA** [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

1. Sebagai sebuah karya sastera bercorak sejarah Sulalatus Salatin tidak terlepas dari penggunaan unsur mitos dan realiti. Bincangkan bagaimana pengarang mengadunkan kedua-dua unsur tersebut sehingga menjadikan Sulalatus Salatin sebuah karya yang bermutu.
2. Naik turunnya wira bangsa banyak ditentukan oleh tafsiran seseorang pengkritik dan bukannya realiti di dalam teks. Berdasarkan pandangan beberapa orang sarjana dan pembacaan anda sendiri ke atas teks Hikayat Hang Tuah, kemukakan alasan bernes untuk membahaskan pernyataan itu berhubung dengan kedudukan Hang Tuah dan Hang Jebat sebagai wira bangsa.
3. Bincangkan kedudukan Hikayat Seri Rama sebagai sebuah karya epik Hindu dan jelaskan pokok pemikiran falsafah Hindu yang tercermin di dalamnya.
4. Tindakan Ratu Daha memotong rambut puterinya Galoh Candera Kirana merupakan motif yang penting di dalam Panji Semirang. Jelaskan bagaimana motif itu berperanan dalam perkembangan plot cerita tersebut.
5. Berdasarkan penelitian anda ke atas Hikayat Seri Rama dan Hikayat Panji Semirang, jelaskan sejauhmanakah teks-teks itu menggambarkan identiti Melayu? Jawapan anda hendaklah berlandaskan pendekatan Sosiologikal dengan mengambil kira aspek pengarang, latar tempat dan masa.
6. Pengarang Sulalatus Salatin dan pengarang Hikayat Hang Tuah menggunakan Melaka sebagai pusat penceritaan, namun di antara mereka mempunyai sikap yang agak berbeza berhubung dengan konsep bangsa dan negara Melayu. Bincangkan.

7. Titah Yang Maha Mulia itu, “Bahawa beta minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara peri persetua dan peri petuturan raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali; supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu; syahadan beroleh faedahlah ia daripadanya.”

(Sulalatus Salatin 1979:3)

Berdasarkan pembacaan anda, bincangkan sejauhmanakah kandungan Sulalatus Salatin menepati petikan di atas?